

Headline	Pelajar trauma tunggang motosikal		
MediaTitle	Sinar Harian (Utara)		
Date	26 Feb 2012	Color	Full Color
Section	NEWS	Circulation	60,000
Page No	U27	Readership	180,000
Language	Malay	ArticleSize	290 cm ²
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,595
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,785



Pelajar trauma tunggang motosikal

NURUL HUSNA AZIZAN

BESERI – Seorang pelajar institut pengajian tinggi trauma menunggang motosikal selepas terlibat dalam kemalangan Januari lalu sehingga menyebabkannya terpaksa menangguhkan pengajian selama satu semester.

Siti Norsakinah Saad, 21, yang mengambil kursus pelancongan di Universiti Utara Malaysia (UUM) hanya sempat menjawab tiga kertas soalan dalam peperiksaan berikutan kemalangan yang berlaku pada 9 Januari lalu.

Menurutnya, doktor terpaksa membuat pembedahan dan memasukkan besi pada paha kiri dan kedua belah rahangnya.

"Pada malam kejadian, saya dan seorang rakan dalam perjalanan pulang ke UUM dari Jitra kira-kira jam 9 malam, tanpa disedari motosikal bahagian kiri saya tersangkut pada pembahagi jalan dan kami terus terbabas.

"Disebabkan itu, muka saya tersembam dan me-



Rosnah bersama Sabry Ahmad melihat keadaan Siti Norsakinah yang terpaksa terperap di rumah akibat kemalangan Januari lalu.

nyebabkan paha kiri dan rahang patah," katanya ketika ditemui *Sinar Harian*, semalam di rumahnya di Kampung Beseri Dalam.

Penderitaan Siti Norsakinah mendapat perhatian Ketua Puteri Umno Malaysia, Datuk Rosnah Abdul Rashid Shirlin, pimpinan Puteri Umno Padang Besar

dan Exco Pertanian, Sabry Ahmad.

Siti Norsakinah berkata, dia terharu dengan kunjungan itu.

Sementara itu, bapanya Saad Mat, 62, berkata, dia juga berterima kasih kepada Rosnah dan tetamu lain yang sudi berkunjung ke rumah dan menyumbangkan kerusi

roda untuk anaknya.

"Apa yang berlaku ada hikmahnya, kita tidak pernah meminta perkara yang tidak diingini berlaku.

"Sebagai seorang bapa, saya sudah tentunya sedih di atas penderitaan yang dialami anak dan selepas ini diharap dia kembali sihat seperti sedia kala," katanya.